

KONTEMPORARI DAN BERPANDANGAN JAUH

Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) mempelawa anda yang berkelayakan, dinamik dan berpandangan jauh untuk mengisi kekosongan jawatan Kumpulan Pengurusan & Profesional dan Kumpulan Pelaksana secara **TETAP/KONTRAK**. Kekosongan jawatan adalah seperti berikut:

Bil	Jawatan	Kekosongan	Taraf Jawatan
1.	Jurutera, Gred J41	1	Tetap
2.	Penolong Pegawai Tadbir, Gred N29	3	Tetap
3.	Setiausaha Pejabat, Gred N29	1	Kontrak
4.	Penolong Jurutera, Gred JA29	1	Tetap
5.	Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi), Gred N19	5	Tetap
6.	Pembantu Operasi, Gred N11	2	Tetap

SYARAT-SYARAT KEWARGANEGARAAN DAN UMUR

Pemohon hendaklah terdiri daripada warganegara Malaysia dan hendaklah berumur tidak kurang daripada lapan belas (18) tahun pada tarikh iklan ditutup.

KEKOSONGAN JAWATAN DAN SYARAT-SYARAT LANTIKAN

1. Jurutera, Gred J41 (Tetap)

Gred Gaji	Gaji Minimum (RM)	Gaji Maksimum (RM)	Kenaikan Gaji Tahunan (RM)
J41	2,529.00	9,643.00	225.00

- (i) Pemohon perlu mempunyai Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
dan
- (ii) Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

Nota:

Keutamaan akan diberikan kepada calon dalam bidang Mekanikal

2. Penolong Pegawai Tadbir, Gred N29 (Tetap)

Gred Gaji	Gaji Minimum (RM)	Gaji Maksimum (RM)	Kenaikan Gaji Tahunan (RM)
N29	1,493.00	5,672.00	145.00

- (i)
 - (a) Pemohon perlu mempunyai Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan;
atau
 - (b) Sijil Tinggi Agama Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan;
atau

- (c) Diploma dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya;
dan
- (ii) Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

3. Setiausaha Pejabat, Gred N29 (Kontrak)

Gred Gaji	Gaji Minimum (RM)	Gaji Maksimum (RM)	Kenaikan Gaji Tahunan (RM)
N29	1,493.00	5,672.00	145.00

- (i) (a) Pemohon perlu mempunyai Diploma Sains Kesetiausahaan daripada politeknik tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan;
atau
- (b) Diploma Pengurusan dan Teknologi Pejabat daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan;
dan
- (ii) Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

4. Penolong Jurutera, Gred JA29 (Tetap)

Gred Gaji	Gaji Minimum (RM)	Gaji Maksimum (RM)	Kenaikan Gaji Tahunan (RM)
JA29	1,549.00	5,701.00	145.00

- (i) (a) Pemohon perlu mempunyai sijil dalam bidang kejuruteraan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada politeknik tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya;
atau
- (b) diploma dalam bidang kejuruteraan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya;
dan
- (ii) Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

5. Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi), Gred N19 (Tetap)

Gred Gaji	Gaji Minimum (RM)	Gaji Maksimum (RM)	Kenaikan Gaji Tahunan (RM)
N19	1,352.00	4,003.00	100.00

- (i) (a) Pemohon perlu mempunyai Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan;
atau
- (b) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya;
atau
- (c) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya;
dan

- (ii) Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

6. Pembantu Operasi, Gred N11 (Tetap)

Gred Gaji	Gaji Minimum (RM)	Gaji Maksimum (RM)	Kenaikan Gaji Tahunan (RM)
N11	1,216.00	2,983.00	80.00

- (i) (a) Pemohon perlu mempunyai Pentaksiran Tingkatan Tiga/Penilaian Menengah Rendah atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan;
atau
 - (b) Pentaksiran Tingkatan Tiga/Penilaian Menengah Rendah atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan memiliki lesen memandu Kelas B2/B/D/E2/E1/E yang dikeluarkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan [kecuali Lesen Memandu Percubaan (P)];
dan
- (ii) Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pentaksiran Tingkatan Tiga/Penilaian Menengah Rendah atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

PERMOHONAN

A. Prosedur Permohonan

Pemohon hendaklah memohon melalui borang permohonan jawatan secara atas talian (eRecruitUNIMAS) yang boleh dicapai melalui pautan berikut:
<https://ehcm.unimas.my/eRecruitUNIMAS>.

B. Tempoh Permohonan

Permohonan ini dibuka mulai **9 November 2020 hingga 13 November 2020**.

KETERANGAN AM

A. Makluman Ujian Khas/Tapisan Memasuki Perkhidmatan dan/atau Temuduga

Pemohon yang telah disenarai pendek akan dipanggil untuk menjalani ujian/proses tapisan yang akan ditetapkan oleh UNIMAS (jika perlu) sebelum dipanggil ke sesi temuduga.

Pemohon tidak perlu menghantar sebarang dokumen sehingga dipanggil untuk menghadiri ujian tapisan/temuduga (disenarai pendek) **tetapi** perlu memuatnaik **semua** sijil-sijil berkaitan mengikut keperluan eRecruitUNIMAS seperti berikut:

- (a) Kad Pengenalan.
- (b) Sijil Kelahiran.
- (c) Sijil-sijil akademik yang berkenaan beserta transkrip
 - i. PMR/SRP/setaraf;
 - ii. SPM/setaraf;
 - iii. STPM/Diploma;
 - iv. Ijazah Sarjana Muda; dan
 - v. Ijazah Sarjana
- (d) Sijil-sijil atau dokumen lain yang berkaitan.

Permohonan yang **tidak lengkap** tidak akan diproses.

B. Makluman lain

Pemohon yang tidak menerima sebarang maklumbalas selepas **tiga (3) bulan** dari tarikh iklan ditutup hendaklah menganggap permohonan mereka **tidak berjaya**.